

*Krisis kemanusiaan sedang melanda di seluruh dunia. Ini termasuk isu pelarian orang Syria dan Rohingya serta gempa bumi yang berlaku di banyak negara berdekatan. Ramai mungkin tertanya-tanya bagaimana mereka dapat menyumbang kepada usaha kemanusiaan. Dua individu yang diketengahkan ini membuktikan bahawa bantuan tidak terhad di dalam negara sendiri. Wartawan **NUR HUMAIRA SAJAT** (nhumaira@sph.com.sg) menyorot kisah mereka yang merentasi sempadan Singapura untuk menghulurkan bantuan dengan cara mereka tersendiri. Walaupun berbeza, matlamat mereka tetap sama – membawa sinar harapan.*



KAMERA JADI TEMAN: Encik Arif Nurhakim dengan kamera yang dibawanya ke luar negara bagi lawatan kemanusiaan. – Foto NUR HUMAIRA SAJAT

Misi kemanusiaan jurugambar didorong prinsip tidak pentingkan diri sendiri

DI sebalik gambar-gambar yang dipetik yang mempunyai mesej yang tersurat, lebih banyak lagi yang tersirat.

Encik Arif Nurhakim mempunyai impian ingin mengubah keadaan berhubung isu kemanusiaan melalui fotografi.

Jrugambar dokumentari itu, yang juga pelajar tahun akhir di Universiti Nasional Singapura (NUS), terbang solo ke negara-negara seperti Greece dan Nepal yang dilanda krisis pelarian dan juga bencana alam untuk memetik foto-foto yang menggambarkan keadaan di sana.

Sejurus itu, beliau menggunakan media sosial untuk berkongsi cerita di sebalik gambar-gambarnya dengan tujuan meningkatkan kesedaran tentang keadaan krisis kemanusiaan yang berlaku di luar Singapura.

“Saya mula melakukan dokumentari sosial kerana saya ingin mengubah keadaan. Bagi saya, gambar wadah paling berkesan untuk menggambarkan sesuatu secara visual,” kata beliau.

Menurut Encik Arif, 25 tahun, keinginannya mahu menjadi jurugambar dokumentari diperkukuh sewaktu lawatan pertamanya ke Nepal sejurus selepas gempa bumi menimpa negara itu pada 2015.

Encik Arif ke sana bersama rakanannya untuk menjalankan *Projek Ashaharu: Harapan bagi Nepal*, sebuah projek multimedia.

“Kita sering lihat keadaan di sana secara dasar di kaca televisyen. Tetapi, saya ingin mendalami isu-isu yang dihadapi mereka dan menambah sentuhan melalui cerita individu di sana,” ujar beliau.

Namun, usahanya tidak berhenti di situ sahaja. Melalui gambar dan video yang telah diter-

bitkan, beliau mengumpul dana untuk membelikan selimut musim sejuk bagi penduduk kampung Nawalpur di Nepal.

“Sebagai jurugambar, saya rasa saya telah mengambil sesuatu daripada mereka iaitu cerita mereka. Walaupun gambar satu cara saya meningkatkan kesedaran, saya tetap ingin melakukan sesuatu untuk menyumbang semula,” katanya.

Sejak pengalaman menyayat hati di Nepal, Encik Arif mula giat mendokumentasikan krisis pelarian orang Syria di Greece.

Sejauh ini, beliau telah ke sana berseorangan sebanyak tiga kali. Antara usahanya untuk membantu pelarian Syria adalah mengumpulkan dana supaya ia dapat digunakan untuk memberikan susu tepung kepada ibu yang tidak berupaya menyusukan bayi mereka.

Meskipun anak bongsu itu berhadapan dengan keadaan berbahaya, ibu bapanya tetap memberi sokongan asalkan beliau menjaga keselamatannya ketika berada di sana.

Menurutnya, melakukan kebaikan memerlukan seseorang mengutamakan orang lain dan tidak mementingkan diri sendiri.

“Kadangkala, kita terlalu selesa dengan kehidupan mewah kita di Singapura sehingga kita lupa tentang masyarakat di negara-negara asing yang memerlukan,” tambah beliau.

Encik Arif berhasrat mendalami isu-isu yang melanda pelarian Rohingya pula pada masa akan datang.

Kata beliau: “Harapan saya adalah merapatkan jurang realiti antara masyarakat Singapura dengan mereka di negara-negara yang sedang membangun supaya kita menjadi individu-individu yang lebih memahami.”